



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF**

**CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

*Skills Development Fund Corporation*

Kementerian Sumber Manusia

*Ministry of Human Resources*

Pejabat Ketua Eksekutif

Aras 27, Menara Dato' Onn

Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)

No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6009  
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my  
Laman Web : http://www.ptpk.gov.my

Ruj. Kami : PTPK.600 BB.100 -1/1 JLD 4 (24)  
Tarikh : 24 September 2025

**Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus  
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM CELIK KEWANGAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN.**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Malaysia kini berdepan cabaran kewangan isi rumah yang semakin meruncing apabila jumlah hutang isi rumah terus meningkat secara konsisten. Peningkatan jumlah hutang isi rumah yang tidak terkawal berisiko berlakunya kes kebankrapan. Dalam konteks Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), senario ini akan menyebabkan PTPK gagal untuk mengutip bayaran balik pinjaman latihan kemahiran (PLK). Kajian oleh Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) bertajuk *Financial Behaviour and State of Financial Well-being of Malaysian Working Adults* pada tahun 2018 mendapati hampir satu perlita daripada pekerja menghadapi kesukaran untuk menabung, dengan komitmen hutang tinggi menjadi alasan ketiga paling umum.

3. Sebagaimana yang YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, selain daripada memberikan kemudahan PLK kepada pelatih yang mengikuti program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), PTPK juga bertanggungjawab untuk mengutip balik PLK yang telah diluluskan daripada semua peminjamnya selaras dengan Seksyen 55 (1) Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004.

4. Tempoh bayaran balik PLK maksimum adalah selama 120 bulan atau 10 tahun. Statistik sehingga 30 Jun 2025 menunjukkan bahawa sebanyak 70,900 akaun pinjaman telah pun tamat tempoh bayaran balik PLK dengan jumlah bayaran yang tertunggak sebanyak RM340.8 juta. Ini menunjukkan bahawa peminjam yang telah pun tamat tempoh bayaran balik PLK telah mempunyai komitmen pinjaman lain yang lebih besar seperti pinjaman perumahan dan tidak meletakkan keutamaan untuk menyelesaikan pinjaman pendidikan yang dimiliki.

5. Melihat kepada dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh AKPK, Mesyuarat Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik (JKBB) Bilangan Bilangan 6 Tahun 2025 berpandangan bahawa langkah yang proaktif perlu segera dilaksanakan untuk membudayakan tanggungjawab peminjam membayar balik PLK semasa peminjam masih dalam tempoh latihan. Inisiatif ini dilihat mampu membendung peningkatan bilangan peminjam tegar yang gagal melunaskan bayaran balik PLK mengikut tempoh yang ditetapkan. Justeru, Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK Bilangan 3 Tahun 2025 pada 22 Ogos 2025 telah bersetuju untuk melaksanakan Program Celik Kewangan PLK kepada peminjam PTPK mulai tahun 2026.

6. Pelaksanaan Program Celik Kewangan PLK kepada peminjam PTPK adalah seperti yang berikut:

- (i) Kos Sara Hidup (KSH) peminjam dinaikkan daripada maksimum RM800 kepada RM850 untuk peminjam yang mengikuti pengajian di Pusat Latihan Swasta (PLS) dan daripada RM400 kepada RM450 untuk peminjam yang mengikuti pengajian di Pusat Latihan Awam (PLA);
- (ii) PTPK akan menyediakan dokumen Arahan Bayaran di mana bayaran penuh KSH sebanyak RM850 dan RM450 kepada peminjam pada bulan pertama menjalani latihan;
- (iii) peminjam perlu membuat pembayaran balik PLK sebanyak RM50 setiap bulan sepanjang tempoh latihan melalui saluran bayaran balik PLK yang tersedia di portal MyPerkasaTVET;
- (iv) peminjam juga perlu membuat pengesahan/pengemaskinian maklumat terkini seperti alamat surat menyurat, nombor telefon dan alamat e-mel di portal MyPerkasaTVET;
- (v) PTPK tidak akan meneruskan penyediaan Arahan Bayaran bagi bayaran KSH bulan berikutnya sekiranya peminjam tidak melaksanakan perkara yang dinyatakan di para 6 (iii) dan (iv);
- (vi) PTPK akan meneruskan penyediaan Arahan Bayaran bagi bayaran KSH berikutnya sekiranya peminjam telah melaksanakan perkara yang dinyatakan di para 6 (iii) dan (iv);
- (vii) Namun begitu, pelaksanaan program ini tidak terpakai kepada peminjam yang tidak memilih KSH; dan

(viii) pembayaran PLK awal (RM50 sebulan) yang dibuat oleh peminjam akan dilaburkan dan seterusnya faedah daripada peletakan pelaburan tersebut akan diselaraskan sebagai bayaran balik PLK ke dalam akaun peminjam tersebut.

7. Dipanjangkan pemakluman pelaksanaan Program Celik Kewangan PLK kepada peminjam yang diluluskan PLK mulai Januari 2026 untuk perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan jua.

Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Pekerja Kesuma Bangsa”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia